

BAB 6

ANALISIS KONSEP DAKWAH DALAM KAEDAH PENGAWALSELIAAN PENGAMAL PENGUBATAN ISLAM DI MEDIA SOSIAL

6.1 Pengenalan

Bab enam membincangkan tentang objektif kajian ketiga iaitu analisis konsep dakwah dalam kaedah pengawalseliaan terhadap pengamal pengubatan Islam di media sosial. Perbincangan merangkumi sub topik analisis konsep dakwah dalam kaedah pengawalseliaan amalan pengubatan Islam di Malaysia yang dibahagikan kepada empat kategori dakwah iaitu *da'i*, *mad'u*, *maudu'* dan *manhaj*. Seterusnya, analisis kaedah pengawalseliaan pengamal pengubatan Islam di media sosial yang berfokuskan kepada pengawalseliaan melalui penguatkuasaan undang-undang.

6.2 Konsep Dakwah Dalam Kaedah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam di Malaysia

6.2.1 Pendakwah (*Da'i*)

Da'i atau pendakwah dalam konteks kajian ini adalah pihak berautoriti yang memainkan peranan melalui bidang kuasa mereka selaras dengan peruntukan undang-undang, sebagaimana yang berikut:

1. Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI), Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
2. Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)
3. Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa')

6.2.2 Sasaran Dakwah (*Mad'u*)

Mad'u dalam konteks kajian ini adalah pengamal pengubatan Islam yang melakukan penyelewengan dalam kaedah rawatan mereka.

Berdasarkan perbincangan berkaitan konsep amalan pengubatan Islam dan keperluan dakwah kepada orang Islam menurut Hasan Isa dalam Ab. Aziz Mohd Zin (2001), pengamal pengubatan Islam yang melakukan amalan penyelewengan dapat dikategorikan sebagai golongan yang lupa dan lalai; dan golongan yang sesat dan meraba-raba dan tersasul daripada Islam menurut pembahagian golongan orang memeluk Islam. Seterusnya, mereka juga dapat dikategorikan sebagai golongan yang zalim kepada dirinya sendiri iaitu golongan yang mungkar dan melakukan maksiat serta golongan yang berada ditengah-tengah iaitu golongan yang lemah yang teragak-agak di antara dua golongan yang di atas menurut kaedah pembahagian golongan orang Islam oleh Al-Bayanuni (1993).

6.2.3 Isi Kandungan Dakwah (*Maudu'*)

Maudu' atau isi kandungan dakwah dalam konteks kajian ini adalah kaedah pengawalseliaan yang dilakukan oleh pihak berautoriti berkaitan dengan bidang amalan pengubatan Islam. Kajian mendapati bahawa kaedah pengawalseliaan oleh pihak berautoriti terbahagi kepada tiga bahagian *maudu'* sebagaimana yang berikut:

6.2.3.1 Memperkukuh dan Memantapkan Pegangan Akidah

Kajian menunjukkan bahawa peranan pihak berautoriti dalam memperkukuh dan memantapkan pegangan akidah terhadap masyarakat khususnya pengamal pengubatan Islam adalah melalui program-program anjuran JAIM dan Darussyifa'. Sebagai contoh, program-program yang berbentuk keagamaan seperti kursus pemahaman, pemantapan akidah, dan seminar Ahli Sunnah wal Jamaah kepada guru-guru takmir, pegawai syarak, pegawai-pegawai masjid, imam, bilal dan sebagainya oleh JAIM. Selain itu, pengajian mingguan seperti majlis zikir dan majlis ilmu bagi pengamal pengubatan Islam Darussyifa'.

6.2.3.2 Melaksanakan Tanggungjawab Syariat

Peranan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (Akta 775), Lajnah Pengawaseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPi) dan proses saringan melalui Standard Pengukuran Pematuhan Syariah (i-SYIFA') menunjukkan matlamat dalam melaksanakan tanggungjawab syariat di kalangan pengamal pengubatan Islam di peringkat persekutuan. Sebagai contoh, pengamal yang ingin berdaftar hendaklah melalui proses saringan i-SYIFA' yang dapat membuktikan pengamal mengamalkan kaedah pengubatan yang selari dengan syariat Islam ataupun yang sebaliknya.

Manakala, penekanan berkaitan syariat Islam yang dilakukan di peringkat Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) adalah melalui Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991, peranan Bahagian Penguatkuasaan JAIM dan peranan Jawatankuasa Fatwa, Jabatan Mufti Melaka. Sebagai contoh, bidang kuasa Jawatankuasa Fatwa melalui proses-proses mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa

dalam menentukan sebarang penyelewengan pengubatan Islam dari sudut akidah mahupun syariah.

Seterusnya, pengawalseliaan pengamal pengubatan Islam dari sudut syariah di peringkat badan pengamal iaitu Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa') pula melalui peranan Lajnah Tarbiyyah, Disiplin dan Tatatertib. Lajnah mempunyai autoriti untuk mengambil tindakan kepada pengamal pengubatan Islam Darussyifa' yang melakukan kesalahan dari sudut syariah seperti menggunakan tangkal dalam kaedah rawatan.

6.2.3.3 Menghayati dan Memupuk Akhlak Mulia

Usaha memupuk akhlak yang luhur di kalangan pengamal pengubatan Islam pula dapat dilihat melalui peranan LAJPPI dan JAIM dalam menyediakan garis panduan etika kepada pengamal pengubatan Islam. Selain itu, peranan Darussyifa' melalui Lajnah Tarbiyyah, Disiplin dan Tatatertib dan program-program anjuran Darussyifa' dalam usaha memastikan setiap pengamal pengubatan Islam Darussyifa' menyuburkan cara hidup Islam bukan sahaja ketika menjalankan tugas merawat bahkan sentiasa mempraktikkan akhlak mulia dalam kehidupan seharian.

6.2.4 Medium Dakwah (*Manhaj*)

Manhaj atau pendekatan dakwah menangani penyelewengan amalan pengubatan Islam yang dilakukan oleh pengamal pengubatan di seluruh Malaysia melalui peranan pihak berautoriti terbahagi kepada dua pembahagian dakwah iaitu melalui *uslūb* dan *waṣīlah* dakwah.

6.2.4.1 Dakwah Melalui *Uslūb*

Kajian ini menunjukkan bahawa peranan pihak berautoriti telah menzahirkan pendekatan dakwah melalui *hikmah*, nasihat yang baik dan perdebatan yang baik iaitu di bawah kategori *uslūb* dakwah sebagaimana yang berikut:

i. Al-Hikmah

Dakwah secara *hikmah* iaitu memilih isi kandungan dan medium dakwah yang bersesuaian dengan keadaan dan suasana sasaran dakwah dipraktikkan oleh KKM, JAIM dan Darussyifa'. Hal ini sebagaimana yang dilakukan oleh ketiga-tiga pihak berautoriti yang menyampaikan dakwah dalam konteks tanggungjawab syariat secara amaran dan tegahan melalui peruntukan undang-undang kepada pengamal pengubatan Islam supaya tidak melakukan perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Selain itu, penyampaian isi kandungan dakwah dari aspek akidah dan akhlak secara lembut dan jelas kepada sasaran dapat menambah keyakinan sasaran terhadap kalimah tauhid dan menjinakkan sasaran untuk menghiasi diri dengan sifat-sifat mulia, sebagaimana JAIM dan Darussyifa' menganjurkan program-program keagamaan secara berkala kepada masyarakat dan secara khusus kepada pengamal pengubatan Islam.

Seterusnya, KKM melaksanakan pengawalseliaan secara berperingkat terhadap pengamal pengubatan Islam. Hal ini dilihat menerusi pendedahan proses dan prosedur pendaftaran pengamal pengubatan Islam dijalankan secara berperingkat di seluruh negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Oleh itu, dakwah secara

berperingkat sebagai strategi untuk menyesuaikan isi kandungan dakwah dengan keadaan sasaran.

Malah, setiap pengamal yang didapati melakukan kesalahan syariah mahupun etika juga melalui proses pengadilan yang saksama. Sebagai contoh, peranan Bahagian Penguatkuasaan JAIM dalam melaksanakan penyelidikan keatas pengamal yang bersalah dan tidak akan mengambil sebarang tindakan dan hukuman terhadap yang bersalah kecuali apabila Jabatan Mufti telah mengeluarkan sebarang fatwa berkaitan kesalahan tersebut.

ii. Nasihat yang Baik (*Mau'izah al-Hasanah*)

Dakwah melalui *uslub* nasihat yang baik adalah seperti yang dilakukan oleh Darussyifa' melalui *tarbiyyah* kepada setiap ahli dan pengamalnya dalam memastikan setiap pengamal sentiasa *istiqamah* dalam memelihara akidah, syariah dan akhlak mulia sama ada sebagai pengamal pengubatan mahupun dalam kehidupan seharian sebagai seorang Muslim. Selain itu, melaksanakan program pada setiap minggu iaitu melalui sistem pengajian mingguan yang mana majlis zikir dan juga majlis ilmu akan dihadiri oleh ahli-ahli Darussyifa'.

Seterusnya, melalui proses permurnian pengamal yang dijalankan oleh JAIM sekiranya terdapat kes-kes yang memerlukan pemulihan pengamal pengubatan bergantung kepada saranan Jawatankuasa Fatwa. Demikian pula, program-program yang dijalankan oleh JAIM dan Darussyifa' dalam usaha memberi peringatan dan nasihat kepada pengamal pengubatan dan masyarakat.

Oleh yang demikian, hal ini sebagaimana menurut Ibn Kathir (1999) berkaitan *mau'izah al-hasanah* iaitu memberi nasihat yang baik dengan menyatakan segala tegahan yang terdapat dalam al-Quran dan sunnah serta memberi peringatan terhadap kejadian yang pernah menimpa manusia dengan mengingatkan orang ramai tentang kejadian tersebut supaya mereka sentiasa beringat tentang balasan Allah SWT.

iii. Perdebatan yang Baik (*Mujadalah*)

Proses *mujadalah* antara pihak berautoriti dengan pengamal penguatkuasaan yang melakukan kesalahan mengikut prosedur disiplin dan tata tertib yang telah ditetapkan oleh Darussyifa'. Proses *mujadalah* dijalankan sebagai cara untuk merungkaikan permasalahan dan syor terhadap bentuk hukuman kepada pengamal yang bersalah.

6.2.4.2 Dakwah Melalui *Wasīlah*

Dakwah melalui *wasīlah* yang dizahirkan melalui peranan pihak berautoriti pula menunjukkan dakwah melalui penguatkuasaan undang-undang dan saluran dan media sebagaimana yang berikut:

i. Penguatkuasaan Undang-Undang

Kajian mendapati bahawa ketiga-tiga pihak berautoriti iaitu KKM, JAIM dan Darussyifa' mengawal selia bidang amalan penguatkuasaan Islam dengan mendasari bidang tersebut dengan akta undang-undang, enakmen, peraturan, etika disiplin dan garis panduan amalan penguatkuasaan Islam.

Pada peringkat persekutuan, KKM menjalankan pengawalan terhadap pengamal pengubatan Islam melalui Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775) dan Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam 2011.

Manakala, pada peringkat negeri, JAIM menggunakan pendekatan penguatkuasaan undang-undang melalui Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 sekiranya terdapat fatwa yang diwartakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Melaka berkaitan penyelewengan atau percanggahan amalan pengubatan Islam yang dilakukan oleh mana-mana pengamal pengubatan di Negeri Melaka dengan berpandukan Garis Panduan Amalan Pengubatan dan Perbomohan Menurut Islam yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Melaka (2012).

Seterusnya, pada peringkat badan pengamal pengubatan Islam Darussyifa' pula mempunyai lajnah yang bertanggungjawab dalam hal ehwal kesalahan disiplin dan rawatan iaitu Lajnah Tarbiyyah, Disiplin & Tatatertib dan Lajnah Rawatan Darussyifa' berpandukan Garis Panduan Etika Ahli dan Perawat Darussyifa' (2010).

Oleh yang demikian, hal ini sepertimana yang disebut oleh Imam al-Syatibi (1975) menyatakan bahawa kepentingan menjaga akidah adalah sama dengan menjaga agama. Justeru, perkara tersebut perlu dilandaskan dengan penguatkuasaan peraturan, memberi amaran dan jaminan tertentu serta memulihkan perkara-perkara yang menggugat kesucian akidah Islam terhadap masyarakat dan individu sebagaimana yang dilakukan oleh pihak-pihak berautoriti di Malaysia.

ii. Saluran dan Media

Kajian menunjukkan bahawa JAIM menggunakan pendekatan melalui media tradisional iaitu menjalankan program-program bersemuka antara orang yang menyampaikan dakwah dengan sasaran dakwah seperti khutbah, kelas pengajian agama, ceramah dan lain-lain. KKM juga menggunakan medium media tradisional untuk memberi pendedahan kepada Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri berkaitan pengawalseliaan yang dilakukan oleh KKM menerusi proses saringan pendaftaran pengamal pengubatan Islam. Darussyifa' pula menggunakan pendekatan melalui media cetak seperti buku-buku pengajian amalan pengubatan Islam yang mudah didapati oleh kesemua lapisan masyarakat. KKM dan JAIM juga menggunakan medium media elektronik dengan menyebarkan garis panduan amalan pengubatan Islam sebagai panduan kepada pengamal dan masyarakat dalam mengamalkan dan mendapatkan rawatan secara patuh syariah di samping sebagai medium kepada pengamal untuk mendaftarkan diri. Malah, platform media elektronik digunakan untuk menyebarkan maklumat, fatwa dan lain-lain kepada masyarakat awam.

Hal ini bertepatan dengan pendekatan media tradisional yang dinyatakan oleh Ab. Aziz Mohd Zin (2001) iaitu melalui hubungan peribadi iaitu komunikasi antara dua hala yang mudah memberi kefahaman kepada sasaran kerana wujudnya hubungan dua hala yang senang dilakukan untuk menghilangkan sebarang kekeliruan terhadap sesuatu perkara. Pengaruh media cetak sangat besar dalam penyebaran maklumat kepada manusia. Seterusnya, media cetak juga adalah sebahagian besar daripada pendekatan dakwah memandangkan pengeluaran buku dan penerbitan akhbar adalah media cetak yang terawal di Malaysia. Media elektronik pula adalah bersifat dunia tanpa sempadan yang mempunyai pengaruh besar terhadap manusia dalam

penyebaran maklumat yang boleh digunakan sebagai platform menyalurkan kandungan dakwah.

Oleh itu, secara ringkasnya hasil pengumpulan data terhadap peranan pihak-pihak berautoriti dalam konteks pengawalseliaan terhadap pengamal pengubatan Islam di Malaysia adalah seperti jadual 6.2.4 yang berikut:

Manhaj Dakwah		Kaedah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam di Malaysia			
		Pihak Berautoriti			
		Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)	Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa')	
Dakwah Melalui Uslūb	<i>Hikmah</i>	√	√	√	
	<i>Mau'izah al-Hasanah</i>		√	√	
	<i>Mujadalah</i>			√	
Dakwah Melalui Waṣīlah	Penguatkuasaan Undang-Undang	√	√	√	
	Saluran dan Media Media	Media Tradisional	√	√	√
		Media Cetak			√
		Media Elektronik	√	√	√

Jadual 6.2.4: Pemetaan Kaedah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam di Malaysia

6.3 Kaedah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam di Media Sosial

Kaedah pengawalseliaan terhadap pengamal pengubatan Islam di media sosial pula lebih tertumpu kepada *manhaj* dakwah melalui *wasīlah* penguatkuasaan undang-undang. Pengawalseliaan terhadap semua pengamal pengubatan Islam di Malaysia sama ada yang menggunakan media sosial ataupun tidak adalah tertakluk kepada bidang kuasa di peringkat persekutuan iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK) dan di peringkat negeri iaitu Jabatan Agama Islam Negeri seperti di Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

Bidang kuasa yang dimiliki oleh pihak berautoriti adalah berbentuk kawalan dari sudut penguatkuasaan undang-undang. Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab 5, pengamal pengubatan Islam tertakluk pada Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775) di peringkat federal manakala di peringkat negeri sekiranya disabitkan kesalahan akan tertakluk pada enakmen jenayah syariah mengikut negeri masing-masing seperti Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Selain itu, sekiranya pengamal secara rasmi adalah pengamal pengubatan Islam Darussyifa', kawalan di peringkat badan pengamal adalah tertakluk pada Majlis Tertinggi Darussyifa'.

Hasil perbincangan dalam bab 4 mendapati bahawa wujud penyelewengan dalam amalan pengubatan Islam yang dilakukan oleh pengamal pengubatan Islam di media sosial. Pengamal Adi telah mendakwa bahawa dirinya mempunyai karamah, boleh melihat dan menangkap jin, tidak menjaga aib dan kerahsiaan pesakit, bacaan yang tidak jelas dan meragukan dan mengenakan bayaran yang tinggi. Manakala, Syah pula menggunakan kaedah *scan* dan rawatan secara atas talian dan siaran

langsung (*live*), boleh memanggil dan memindahkan jin dalam tubuh individu dan memberi kosultasi yang meragukan kepada pesakit.

Oleh yang demikian, kajian mendapati bahawa walaupun terdapat kaedah pengawalseliaan yang dilaksanakan oleh pihak berautoriti, amalan penyelewengan yang dilakukan oleh pengamal pengubatan Islam di media sosial masih berleluasa. Hal ini dibuktikan bahawa setakat ini masih belum terdapat kes yang melibatkan kesalahan pengamal pengubatan Islam melakukan penyelewengan pengubatan Islam di media sosial.

6.3.1 Kesan Pengamal Tidak Berdaftar

Menurut Akta Perubatan Tradisional dan komplementari 2016, setiap pengamal perubatan yang diiktiraf bidangnya termasuk amalan pengubatan Islam hendaklah berdaftar di bawah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari sebagai kawalan undang-undang terhadap pengamal pengubatan yang beramal dalam bidang berkaitan. Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016, Bahagian IV Pendaftaran Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari, nombor 25 Kesan Tidak Didaftarkan, menyatakan sebagaimana yang berikut:

25. (1) Seseorang yang bukan seorang pengamal berdaftar tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, mengamalkan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan –
 - (a) berkenaan dengan kesalahan pertama, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan

(b) berkenaannya dengan kesalahan seterusnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada subseksyen (2), memerintahkan Majlis mencatatkan butir-butir orang itu dalam suatu daftar dan orang itu tidak boleh memohon untuk didaftarkan sehingga tamatnya tempoh dua tahun dari tarikh dia disabitkan.

Oleh yang demikian, kajian mendapati bahawa terdapat akta undang-undang berkaitan kesalahan pengamal pengubatan Islam yang tidak berdaftar. Selain itu, Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016, nombor 26. (1) juga menyebut bahawa pengamal berdaftar tidak boleh mengamalkan bidang amalan diiktiraf kecuali jika dia memegang perakuan pengamalan yang sah dan berkuat kuasa.

Hal ini menunjukkan bahawa setiap pengamal pengubatan Islam sama ada yang dikenali di media sosial ataupun tidak, tidak terlepas dengan undang-undang untuk mendaftarkan diri secara sah sebagai pengamal pengubatan. Pengamal hendaklah berdaftar dan melalui pelbagai proses saringan seperti memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebagai seorang pengamal pengubatan Islam dan melalui ujian Standard Pengukuran Pematuhan Syariah (i-SYIFA'). Hal ini demikian, bagi memastikan setiap pengamal yang diiktiraf adalah seorang pengamal pengubatan Islam patuh syariah. Oleh itu, pengamal yang beramal dalam bidang pengubatan Islam yang tidak berdaftar dikira sebagai suatu kesalahan, lebih-lebih lagi pengamal yang melakukan penyelewengan dan beramal dengan tidak mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

6.3.2 Pengabaian Hak Pesakit

Hasil kajian mendapati bahawa pengamal pengubatan Islam di media sosial iaitu Adi tidak menjaga kerahsiaan pesakit. Manakala, Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016, Bahagian VII Hak Pesakit, nombor 40 (1) menyatakan sebagaimana yang berikut:

40. (1) Segala maklumat pesakit, secara langsung atau tidak langsung, yang diberikan kepada atau diperolehi oleh pengamal berdaftar atau mana-mana orang yang mengambil kerja atau menggaji pengamal itu, hendaklah –
- (a) dipelihara kerahsiaannya; dan
 - (b) tidak didedahkan kepada mana-mana pihak lain melainkan dengan kebenaran terdahulu pesakit atau dengan suatu perintah mahkamah.

Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa tiada kawalan terhadap pengamal di media sosial berkaitan hak pesakit. Malahan, pengamal tidak menjaga etika dan profesionalisme sebagai seorang pengamal pengubatan Islam.

6.3.3 Tiada Garis Panduan Pengiklanan dan Promosi

Promosi rawatan dan produk rawatan di media sosial dan kepada warga internet dengan alasan bagi tujuan kesembuhan, mengetahui kehadiran makhluk halus yang telah menyebabkan sakit, mengelak daripada gangguan makhluk halus dan merawat pelbagai penyakit sebagaimana yang dilakukan oleh pengamal Adi dan Syah. Menurut Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016, Bahagian V Kewajipan dan Tanggungjawab Pengamal Berdaftar, nombor 33 (1) dan (20) Pengiklanan dan Promosi menyatakan sebagaimana yang berikut:

33. (1) Pengamal berdaftar atau mana-mana orang yang mengambil kerja atau menggaji pengamal itu tidak boleh membuat apa-apa pernyataan palsu dalam apa-apa iklan, jurnal, artikel, risalah, laman web atau media komersil berkenaan dengan khasiat penyembuhan, perubatan atau kesihatan apa-apa perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari yang disediakan oleh pengamal berdaftar.
- (2) Pengamal berdaftar atau mana-mana orang yang mengambil kerja atau menggaji pengamal itu tidak boleh membuat apa-apa pernyataan palsu atau yang mengelirukan berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari dengan tujuan untuk mendorong, mempengaruhi atau menyebabkan seseorang pesakit membuat kontrak untuk membeli perkhidmatan itu.

Kaedah berkaitan iklan dan promosi kaedah rawatan atau produk kesihatan ini juga dijelaskan oleh pegawai Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Mohd Isa Bin Abdullah sebagaimana yang berikut:

Sebenarnya kalau dalam Akta dan peraturan kita, tidak ada menetapkan larangan untuk kita mempromosikan dan sebagainya kan. Makna kalau dia nak.. nak jaja maksudnya promosilah kan, sekiranya kalau dia mempunyai lesen ataupun dia mempunyai kebenaran beramal tadi, takde halangan lah untuk dia menguar-uarkan ataupun nak mempromosikan perkhidmatan dia tadi kan haa selagi mana perkhidmatan dia adalah patuh syariah. Ha itu je. Jangan melampau-lampau boleh tangkap jin, haa penjarakan jin, masukkan jin dalam botol, ape semua yang itu, kita kira agak melampau lah. Cumanya mungkin lah buat masa ni kita memang takde lagi... aaa batas ataupun aaa model lah ye untuk iklan yang macam mane kan. Biasanya kalau KKM iklan, kita memang tak benarkan iklan yang bersifat terlalu spesifik macam tu. Dia bersifat umum. Kalau umum *no problem* kan. Macam kita katakan contohlah saya amik contoh ubat-ubatan kan, kita kata kita keluarkan satu herba ni boleh menyembuhkan penyakit kanser, menyembuhkan penyakit macam tu kita cakapkan, itu agak melampau lah kan. Kita bukan macam tu, cakap aaa ini adalah sebagai makanan tambahan yang mampu mengawal dan boleh membantu kita mengurangkan aaa kesan. Maksud dari segi cakap tu jangan macam kita ni ia betul-betul macam betul-betul lah. Sebenarnya dalam Islam kan kita ada konsep tawakal, konsep tawakal tu penyerahan kepada Allah yang menyembuhkan segala penyakit.

Oleh yang demikian, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat percanggahan antara kaedah mempromosi rawatan dan menjual produk kesihatan yang dilakukan oleh pengamal Adi dan Syah dengan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 dan kenyataan pihak berautoriti KKM. Walau bagaimanapun, setakat ini masih tiada garis panduan berkaitan promosi dan pengiklanan ditetapkan oleh pihak KKM.

6.3.4 Tiada Peruntukan Undang-Undang dan Garis Panduan Kaedah Rawatan Secara Atas Talian

Kaedah rawatan yang dijalankan secara atas talian sebagaimana yang dilakukan oleh Syah iaitu merawat pesakit melalui platform YouTube, TikTok dan Facebook melalui fungsi *live* atau siaran langsung dan melalui panggilan telefon. Menurut kenyataan Mohd Isa Bin Abdullah, Lajnah Pengawalselia Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI) tidak mengiktiraf rawatan secara atas talian sebagaimana yang berikut:

“LAJPPI atau Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam tidak menerima *online* sebagai salah satu daripada kaedah rawatan. Maknanya tak terimalah. Maknanya orang-orang yang beramal, makna kita minta dia tinggalkan lah. Janganlah. Nak merawat aaa *one by one* ye. Depan berdepan haaa kecuali dalam kes-kes darurat yang itu lain lah. Macam katakanlah PKP memang tak boleh nak keluar rumah, sebenarnya kalau dalam PKP pun kalau kita nak keluar untuk... merawat ni boleh saja minta saja kebenaran polis, boleh bagi.”

Walaupun bagaimanapun, kajian mendapati bahawa kenyataan berkaitan tiada pengiktirafan terhadap kaedah rawatan secara atas talian hanya melalui keterangan pihak berautoriti KKM, tetapi tiada sebarang garis panduan dan peruntukan undang-undang berkaitan menjalankan kaedah rawatan secara atas talian oleh KKM.

6.3.5 Tiada Kawalan dan Sekatan Terhadap Aktiviti Pengamal di Media Sosial

Perbincangan kajian juga mendapati bahawa pengamal Adi dan Syah melakukan kaedah rawatan yang bercanggah dengan garis panduan amalan pengubatan Islam, peruntukan undang-undang, kaedah rawatan badan pengamal yang diiktiraf, fatwa yang dikeluarkan oleh mufti dan pandangan pakar. Perkara ini telah dikenalpasti melalui pemerhatian secara dalam talian terhadap kedua-dua pengamal tersebut. Oleh itu, hal ini menunjukkan bahawa pengawalseliaan terhadap pengamal pengubatan Islam di media sosial masih tiada pemantauan dan penguatkuasaan.

Bidang kuasa sedia ada berkaitan kawalan penggunaan media sosial adalah di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sebagaimana peruntukan kawalan berita palsu melalui Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 di bawah seksyen 211 iaitu larangan terhadap pemberian kandungan jelik dan Seksyen 233 iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, dan lain-lain. Oleh itu, individu yang tidak bertanggungjawab menyebarkan berita palsu akan didakwa menurut akta tersebut. Hal ini demikian dapat memberi kesan buruk dan salah faham kepada masyarakat sekiranya berita atau maklumat palsu terus tersebar. Justeru, keperluan sekatan terhadap penyebaran berita palsu ini juga sama pentingnya dengan kawalan dan sekatan terhadap pengamal pengubatan Islam sebagai individu yang juga menggunakan media sosial malahan memberi impak yang besar kepada masyarakat khususnya warga internet.

Melalui perbincangan kajian, jelas terdapat keraguan dan percanggahan dari segi hukum syarak berkaitan amalan pengubatan Islam yang dilakukan oleh Adi dan

Syah. Sebagai contoh, pendakwaan pengamal Adi berkaitan karamah yang dimiliki yang dianggap perkara ajaib yang dapat menyembuhkan penyakit. Selain itu, memiliki kemampuan untuk melihat perkara ghaib seperti menangkap jin dan mengurungnya didalam botol. Seterusnya, kemampuan Syah untuk memanggil atau menyeru dan memasukkan jin ke dalam tubuh individu yang menyebabkan kerasukan atau tidak sedar malah berdialog dengan entiti tersebut sebagai cara menyembuhkan gangguan makhluk halus.

Walau bagaimanapun, kawalan di peringkat negeri setakat ini masih tiada kes dan pewartaan fatwa berkaitan amalan pengubatan Islam dan perbomohan yang bercanggah dengan syariat Islam. Perkara ini dinyatakan oleh pegawai Bahagian Penguatkuasa JAIM bahawa setakat ini masih tiada kes yang disabitkan kesalahan berkaitan aktiviti pengubatan Islam dan perbomohan, kes-kes sedia ada adalah berkaitan kesalahan ajaran salah atau ajaran sesat yang menyalahi Akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang diwartakan oleh Jabatan Mufti Negeri Melaka sebagai contoh amalan dan kepercayaan khurafat di Pulau Besar Melaka (2015), ajaran Panji Langit (2012), pengharaman ajaran agama Asalama (2010) dan ajaran ilmu hakikat Hassan Bin Jonit (2002).

Oleh yang demikian, pengawalseliaan yang dilakukan oleh pihak berautoriti tidak dikuatkuasa dan dipergiat secara holistik. Peranan pihak berautoriti sebagai *da'i* dalam menangani isu penyelewengan amalan pengubatan Islam menunjukkan masih terdapat ruang-ruang dakwah dan kekurangan khususnya dari sudut penguatkuasaan undang-undang khususnya di media sosial. Secara ringkasnya, hal ini dapat dilihat sebagaimana jadual 6.3 yang berikut:

Konsep Dakwah dalam Kaedah Pengawalseliaan Amalan Pengubatan Islam di Malaysia

Bil.	Asas-Asas Dakwah	
1.	Pendakwah (<i>da'i</i>)	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa')
2.	Sasaran Dakwah (<i>mad'u</i>)	Pengamal Pengubatan Islam di Malaysia
3.	Isi Kandungan Dakwah (<i>maudu'</i>)	Memperkuh dan Memantapkan Pegangan Akidah Melaksanakan Tanggungjawab Syariat Menghayati dan Memupuk Akhlak Mulia
4.	Medium Dakwah (<i>manhaj</i>)	Dakwah Melalui <i>Uslūb Hikmah</i> Nasihat yang Baik (<i>mau'izah al-hasanah</i>) Perdebatan yang Baik (<i>mujadalah</i>) Dakwah Melalui <i>Waṣīlah</i> Penguatkuasaan Undang-Undang Saluran dan Media

Kaedah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam di Media Sosial

1.	Kesan Pengamal Tidak Berdaftar
2.	Pengabaian Hak Pesakit
3.	Tiada Garis Panduan Pengiklanan dan Promosi
4.	Tiada Peruntukan Undang-Undang dan Garis Panduan Kaedah Rawatan Secara Atas Talian
5.	Tiada Kawalan dan Sekatan Terhadap Aktiviti Pengamal di Media Sosial

Jadual 6.3: Analisis Konsep Dakwah Dalam Kaedah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam di Media Sosial

6.4 Rumusan

Kesimpulannya, analisis konsep dakwah dalam pengawalseliaan pengubatan Islam di Malaysia dianalisis berdasarkan konsep dakwah mencegah kemungkarannya melalui rukun dakwah yang terbahagi kepada empat bahagian iaitu *da'i*, *mad'u*, *maudu'* dan *manhaj*. Pihak berautoriti KKM, JAIM dan Darussyifa' adalah pendakwah. Manakala, sasaran dakwah adalah pengamal pengubatan Islam yang melakukan penyelewengan amalan pengubatan Islam di media sosial. Selain itu, isi kandungan dakwah dalam kaedah pengawalseliaan terbahagi kepada tiga iaitu dari aspek akidah, syariah dan akhlak. Isi kandungan dakwah dilihat tertumpu kepada kaedah kawalan dari sudut undang-undang. Seterusnya, medium yang digunakan dalam kaedah pengawalseliaan adalah melalui *uslub* iaitu dakwah secara *hikmah*, nasihat yang baik dan perdebatan yang baik. Manakala, dakwah melalui *wasīlah* terbahagi kepada dua iaitu penguatkuasaan undang-undang dan saluran dan media.

Kaedah pengawalseliaan pengamal pengubatan Islam di media sosial pula menunjukkan terdapat lima jurang atau kelompangan pengawalseliaan yang menyebabkan penyelewengan amalan pengubatan Islam terus berleluasa. Malah, memberi impak buruk kepada pemahaman dan perlakuan masyarakat. Antara kelemahan pengawalseliaan oleh pihak berautoriti sebagai pendakwah yang dikenalpasti adalah terhadap kesan pengamal yang tidak berdaftar, pengabaian hak pesakit, tiada garis panduan pengiklanan dan promosi kaedah rawatan serta produk kesihatan, tiada peruntukan undang-undang dan garis panduan kaedah rawatan secara siaran langsung (*live*) dan tiada kawalan dan sekatan terhadap aktiviti pengamal pengubatan Islam di media sosial.